

Setakat suku pertama 2015, perkhidmatan UniFi di Sabah telah mencatat sebanyak 3,081 langganan melibatkan 2,773 langganan untuk kediaman dan 308 langganan untuk perniagaan.

Bagi kawasan Penampang, pelaksanaan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan ini telah diletakkan di bawah projek HSBB Fasa 2 di mana ibu sawat Telekom Malaysia di Penampang dan Putatan akan dinaik taraf dengan melibatkan sebanyak 11,072 port. Pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf ini dijangka selesai pada tahun 2016. Dengan tersedianya infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi ini, penduduk setempat akan dapat menikmati perkhidmatan pakej Unifi yang ditawarkan.

Penyediaan akses internet secara kolektif di Penampang telah dilaksanakan di 23 kawasan termasuklah di Kampung Nambazan, Kampung Ramayah, Kampung Limbanak dan Kampung Sugud melalui inisiatif Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) yang kini dikenali sebagai WiFi Komuniti (WK). Secara keseluruhan, sebanyak 36 Pusat Akses WK telah dipasang dan tiga (3) buah Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) telah siap iaitu PI1M Kampung Kopimpinan, PI1M Kampung Inobong dan PI1M Pekan Babagon. PI1M baharu di Kampung Nosoob sedang dalam pelaksanaan.

Di samping itu, tiga (3) lokasi projek infrastruktur menara komunikasi T3 iaitu di Jalan Mendulong-Long Pasia, Kampung Timpangoh dan Kampung Terian dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada suku keempat tahun ini.